

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)25

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

25. Senaraikan sebab utama hanya di Mukim 5 sahaja di Pulau Pinang yang terjejas dengan masalah tekanan air rendah dan ketiadaan air ketika waktu puncak.
- (a) Adakah pembangunan dan perindustrian di Batu Kawan menjadi sebab utama masalah ini?
 - (b) Adakah pembangunan Penang South Island (PSI) juga akan memberi kesan kepada masalah ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. (a) Masalah tekanan air rendah dan ketiadaan air ketika waktu puncak bukan hanya berlaku di Mukim 5 di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) sahaja malah ianya berlaku di lain-lain daerah seluruh Pulau Pinang. Isu ini dapat dilihat melalui statistik yang dikemukakan oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) berkaitan dengan gangguan bekalan air mengikut daerah untuk tahun 2024 (Januari sehingga Oktober 2024) seperti berikut:

Bil	Daerah	Jumlah kes
-----	--------	------------

1.	Timur Laut	2799
2.	Barat Daya	1794
3.	Seberang Perai Tengah	1284
4.	Seberang Perai Utara	836
5.	Seberang Perai Selatan	1060

Punca utama masalah tekanan air rendah dan ketiadaan air ketika waktu puncak adalah disebabkan oleh perkara berikut:

- (i) Penggunaan air pengguna di Negeri Pulau Pinang berdasarkan per liter kapita sehari (LKH) adalah 307 LKH iaitu lebih dua (2) kali ganda daripada sasaran purata nasional 180 LKH pada tahun 2025. Impak ini memberi kesan kepada tekanan air semasa waktu puncak dari jam 6 pagi hingga 10 pagi dan 6 petang hingga 11 malam;
- (ii) Peningkatan peratusan kadar air tidak terhasil (NRW) kerana PBAPP terpaksa meningkatkan tekanan paip-paip utama supaya lebih banyak air dapat disalurkan kepada pengguna untuk kegunaan harian; dan

- (iii) Penggunaan pam persendirian dan penyambungan dari paip PBA secara haram juga menyebabkan gangguan kepada tekanan air sedia ada.

Pembangunan dan perindustrian di Batu Kawan bukan satu-satunya sebab utama masalah ini berlaku kerana PBAPP telah menerima sebanyak 2844 permohonan Kebenaran Merancang di seluruh Negeri Pulau Pinang untuk tempoh tahun 2019 hingga 2023. Permohonan yang diterima menunjukkan pertambahan permintaan bekalan air di seluruh Negeri Pulau Pinang dan tidak tertumpu di kawasan Batu Kawan sahaja. Kawasan Perindustrian Batu Kawan terletak berhampiran dengan Rumah Pam Bukit Minyak yang membekalkan air kepada kawasan SPS. Oleh demikian, tekanan air di kawasan Batu Kawan juga bergantung kepada tekanan air di rumah pam tersebut dan paras air di dalam kolam takungan air Batu Kawan. PBAPP mengambil pendekatan melaksanakan kawalan bekalan air ke kawasan ini melalui syarat-syarat dan ulasan teknikal semasa peringkat perancangan pembangunan terutama melibatkan projek

pembangunan baharu supaya tidak menjejaskan pengagihan air ke seluruh kawasan SPS yang lain.

(b) Kerajaan Negeri melalui PBAPP tidak pernah menghalang sebarang pembangunan di Pulau Pinang termasuk pembangunan Pulau Silikon dan pembangunan ini juga tidak akan menyebabkan isu tekanan rendah dan ketiadaan air di Mukim 5, Daerah SPS. Setiap pembangunan di Negeri Pulau Pinang perlu melalui proses Permohonan Kebenaran Merancang serta perlu mematuhi syarat-syarat dan keperluan teknikal yang telah ditetapkan oleh Agensi atau Jabatan Teknikal yang terlibat termasuk PBAPP. Oleh demikian, PBAPP telah mengambil tiga (3) langkah atau pendekatan berikut yang perlu dipatuhi bagi syarat pembangunan baru terutama di kawasan Daerah SPS:

- (i) Mana-mana kemajuan baru disyaratkan hanya dapat disalurkan air selepas pembinaan Loji Air Sungai Kerian;
- (ii) Semua kelulusan perancangan hanya sah untuk tempoh dua (2) tahun sahaja dan sekiranya pembinaan tidak dimulakan dalam tempoh kelulusan diberikan, syarat

yang baharu akan diletakkan mengikut ketersediaan bekalan air; dan

- (iii) Mana-mana perindustrian disyaratkan untuk mengitar semula sekurang-kurangnya 25% efluen perindustrian sebagai sumber kegunaan air sendiri.